

02 SEP 2001

Mahathir-Singapura

LAWATAN LEE KUAN YEW DIHARAP SELESAI PELBAGAI MASALAH DUA HALA

LANGKAWI, 2 Sept (Bernama) -- Lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew pada kali ini diharap dapat menyelesaikan pelbagai perkara berbangkit dalam hubungan dua hala kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pertemuan itu boleh menyelesaikan masalah pembangunan antara Malaysia dan Singapura seperti isu bekalan air ke republik itu serta merobohkan Tambak Johor bagi pembinaan jambatan selain membuat terowong untuk laluan keretapi," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas tentang lawatan bekas Perdana Menteri Republik itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur selepas meninjau perkembangan projek pembangunan di sini.

Lee tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang petang ini untuk lawatan empat hari dan dijadual mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kanan Malaysia.

Selain perjanjian baru bekalan air kepada Singapura, isu-isu dalam pakej itu ialah penempatan semula pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen keretapi Tanjung Pagar, pembangunan tanah keretapi milik Malaysia di Singapura, penggunaan ruang udara oleh tentera udara republik itu dan pengeluaran wang pencen oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung yang telah berhenti bekerja di Singapura sebelum mencapai umur persaraan.

Ketika ditanya adakah Malaysia sedia membantu republik itu yang menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia bekerjasama bagi membantu republik itu.

"Tak ada masalah untuk membantu republik itu kalau ekonomi dia merosot. Boleh tolong," katanya

Perdana Menteri berkata "Kita suka kalau kita boleh tolong dia pulih semula. Negara itu adalah rakan dagang kita. Orang yang ada masalah kita tidak boleh dapat keuntungan apa-apa".

-- BERNAMA

NH PR